



AWAS! UMPAN JINAK DI AIR TENANG

Laporan harian di www.wilayahku.com.my
dan
media sosial Wilayahku

Kongsikan info dan cerita banjir anda kepada
helme.hanafi@gmail.com



AWAS... ada yang ambil kesempatan dalam kesempitan dengan melancarkan tabung derma yang kononnya untuk mangsa banjir.

Ada juga yang mencuri harta mangsa banjir yang ditinggalkan.

Berwaspadalah apabila hendak menderma selain jagalah harta benda anda sebaiknya di musim banjir ini kerana kita tidak tahu bilakah sang penjenayah akan bertindak.

Ada yang memasang 'umpan jinak di air tenang' dalam situasi bencana ini.

Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd Kamarudin Md Din, sehubungan itu, polis sentiasa memantau aktiviti kutipan derma terutama yang dilakukan melalui internet.

Jelasnya, walaupun sehingga kini tiada sebarang laporan polis diterima namun sebarang aktiviti yang meragukan akan disiasat di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Kejadian banjir kilat melanda beberapa kawasan di seluruh negara telah mengakibatkan kerugian terhadap mangsa-mangsa terlibat dan pelbagai inisiatif kutipan derma telah dilancarkan parti politik, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta dan individu persendirian.

"Kebiasaan aktiviti kutipan yang bersifat kebajikan ini akan mendapat maklum balas yang positif daripada rakyat Malaysia.

Mengulas lanjut, Mohd Kamarudin menyeru orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan aktiviti penipuan kutipan derma tampil membuat laporan.

"Laporan boleh dilakukan melalui CCID Scam Response Center melalui talian 03-26101559 / 1599 atau membuat laporan polis di mana-mana balai polis berhampiran," ujarnya.

Semalam seorang pemandu trak tunda yang tular mencuri kenderaan yang diletakkan di tepi Persiaran Perusahaan Seksyen 23 akibat banjir sebelum ini direman selama dua hari bermula hari ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, suspek berusia 26 tahun itu terlebih dahulu ditahan di sekitar daerah ini, semalam.

Katanya, penangkapan susulan penularan kejadian itu di media sosial terhadap tindakan penundaan kereta jenis Honda City milik isteri mangsa yang dilakukan suspek berkenaan.

"Berdasarkan siasatan awal, mangsa meletakkan kereta berkenaan kira-kira pukul 6 petang pada Sabtu lalu dalam keadaan baik dan berkunci di tepi jalan berkenaan.

"Bagaimanapun, mangsa mendapati kereta tersebut telah berada di trak tunda pukul 8.45 malam dua hari kemudian," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau menambah, trak tunda itu adalah atas nama sebuah syarikat di Telok Gadong, Klang dekat sini dengan dipandu suspek.

Ujar Arjunaidi, siasatan awal mendapati suspek itu memaklumkan kereta itu disuruh ditunda ke bengkel oleh seorang lelaki tidak dikenali.

"Mangsa sempat membuat pemeriksaan kereta itu dengan mendapati bateri kereta telah hilang, nombor pendaftaran depan belakang telah dipatahkan dan pelekat cukai jalan telah hilang.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 379A Kanun Keseksaan," katanya.



MISI BANTUAN BANJIR KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI BUKIT CHANGGANG, KUALA LANGAT

Bantuan operasi banjir KWP di Kawasan Bukit Changgang, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat telah dilaksanakan oleh Pusat Kawalan Operasi Banjir Kementerian Wilayah Persekutuan Bukit Changgang Kuala Langat (PKOB). PKOB telah digerakkan oleh KWP, Dewan Perbadanan Putrajaya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Fokus utama bantuan adalah menjalankan pembersihan terhadap kemudahan awam, rumah warga emas dan orang kurang upaya, termasuk kerja-kerja mengepam air banjir dari ke Sungai Langat untuk menurunkan paras air.

Seramai 40-50 orang pasukan petugas terdiri daripada pegawai dan kakitangan agensi dibawah KWP telah digerakkan untuk kerja-kerja pembersihan kemudahan awam dan kediaman warga emas. Sehingga kini, sebuah masjid dan 7 buah rumah warga emas telah berjaya dibersihkan.



kepada penduduk yang terkesan dengan bencana banjir. Inisiatif ini melibatkan agihan 200 bakul makanan MYFood@Wilayah yang mengandungi barangans asas seperti beras, gula, sardin, mee hoon, garam dan teh/kopi.

Dalam memastikan kelancaran operasi PKOB beberapa persediaan telah dibuat terutama dengan menambah aset operasi seperti 30 water jet, 6 water pump, 1 buah genset, 3 buah sampan, 2 buah lori dan 10 kendaraan pacuan 4 roda. Selain daripada petugas agensi dibawah KWP, kerja-kerja pembersihan juga terdiri daripada petugas sukarela akan ditingkatkan kepada 100 orang apabila operasi pembersihan dapat dilaksanakan secara menyeluruh apabila kawasan-kawasan yang terlibat boleh dimasuki oleh penduduk.

Selain kerja-kerja pembersihan, pasukan PKOB KWP juga menguruskan pengumpulan dan pembuangan sampah terdiri daripada perabut dan perkakasan elektrik yang mengalami kerosakan akibat bencana banjir .

PKOB KWP juga terlibat dalam membantu proses pengepaman air dari Kawasan banjir ke Sungai langat telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor. PKOB juga telah bersedia dengan 6 mesin pengepaman air berskala kecil yang akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang akan dikenalpasti.

Selain itu, PKOB KWP juga menyalurkan bantuan makanan MyFood@Wilayah





PEJABAT MENTERI
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI EKORAN BANJIR DI KUALA LUMPUR

Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi di bawahnya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meneruskan kerja-kerja operasi membantu, menyelamat dan membersih yang memasuki **hari keenam** di kawasan-kawasan yang terkesan dengan bencana banjir di sekitar ibu negara Kuala Lumpur.

Status terkini bagi lokasi - lokasi yang terkesan dengan bencana banjir adalah seperti berikut:

BIL.	LOKAJ	STATUS
1	Kg. Periuk	47 orang mangsa masih ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Sultan Sulaiman
2	Kg. Pasir	264 orang mangsa masih ditempatkan di PPS SJK Tamil Saraswathy Lembah Pantai
3	Kg. Balu Balu	PPS ditutup (kesemua mangsa telah pulang ke kediaman pada jam 4.00 petang 21 Disember 2021)
4	Taman Hock Ann	Air telah surut ; semua penghuni telah kembali ke rumah
5	Lorong Haji Mahadi	Air telah surut dan jalan telah dibuka
6	Jalan Melaka	Air telah surut dan jalan telah dibuka
7	Jalan Batu-Bata	Jalan telah dibuka
8	Jalan Rahmat (PWTC)	Jalan masih ditutup
9	Maluri	Semua jalan telah dibuka
10	Leisure Mall	Semua jalan telah dibuka
11	Bandar Permaisuri	Semua jalan telah dibuka
12	Sg. Besi	Semua jalan telah dibuka
13	Kg. Seri Delima	Air telah surut ; jalan masih belum dibuka
14	Jalan Raja Chulan	Jalan telah dibuka
15	Lorong Jambu Laut	Air telah surut ; jalan masih belum dibuka
16	Kg. Kasipillay	Air telah surut
17	Kg. Chubadak	Jalan telah dibuka
18	Jalan Tiongnam	Jalan telah dibuka

Ketika ini, **pusat pemindahan sementara (PPS)** yang masih aktif adalah di lokasi seperti berikut:

- i. Dewan Sultan Sulaiman bagi pemindahan penduduk Kampung Periuk, Kampung Bharu; dan
- ii. SJK Tamil Saraswathy Lembah Pantai bagi pemindahan penduduk Kampung Pasir

Berikut merupakan status bagi setiap lokasi pusat pemindahan:

BIL.	LOKASI KEJADIAN	LOKASI PUSAT PEMINDAHAN	MANGSA	STATUS
1	Kg Bharu Kg Periuk	Kelab Sultan Sulaiman	47 mangsa (13 keluarga)	-20 khemah -DBKL, APM, RELA, PDRM
2	Kg Pasir	SJKT Saraswathy Lembah Pantai	264 mangsa (56 keluarga)	-Air telah surut -Lokasi dalam proses pembersihan -DBKL, APM, JKM, JBPM, PDRM

Jumlah keseluruhan penduduk yang masih berada di PPS ialah **311 orang dengan 69 keluarga**.

Beberapa laporan berkaitan tanah runtuhan telah dikenalpasti oleh DBKL iaitu melibatkan **70 lokasi tanah runtuhan**. Senarai lokasi adalah seperti berikut :

- Persiaran Negeri Sembilan
- Setiawangsa (Cerun C)
- Setiawangsa (Cerun D)
- Jalan Durian 3, Cheras
- 5 Lorong Bukit Pantai 3
- Jalan 2/98, Taman Supreme
- Lot 2979, Jalan Penchala Indah
- No 263 Taman Damansara Indah
- Bangsar Indah Condominium
- Jalan Kelantan, Bukit Persekutuan
- Jalan Bukit Ledang, Damansara
- Jalan Pantai Permai
- Jalan Perkasa, Taman Salak Selatan
- Semantan Villa
- No 37, Jln Changkat Semantan 1, Damansara Heights
- Jalan 2/48B, Taman Bukit Mas

- Kampung Puah
- Seri Duta 1, Bukit Tunku
- Taman Seputeh 3
- Lorong Burhanuddin Helmi 4, TTDI
- Parking Awam Bukit Nenas
- Kampung Palimbayan, Sungai Penchala -Jalan masih ditutup
- Jalan Kiara 3 (Segambut Dalam)
- 22, Lorong Travers
- Seri Carcosa -Tali keselamatan dan water barrier telah diletakkan di lokasi.
- Kondominium Seri Duta , Taman Duta
- Lot 210 & 212, Jalan Desa Mesra,Tmn Desa
- No 31, Jalan Batai Barat, Bukit Damansara
- No 15, Changkat Tunku, Bukit Tunku
- 32, Jalan Teruntong, Damansara Heights
- Jalan Parlimen
- Jalan Ledang, Damansara
- 92A, Jalan Jelutong, Damansara Heights
- Jalan Dungun
- No 19, Jalan Bukit Tunku
- Jalan 1/154, Taman Bukit Anggerik
- Jalan 5/98, Taman Supreme
- Jalan Parlimen (Cerun Tugu Negara)
- Susur Keluar lebuhraya Sultan Iskandar menghala ke Jalan Parlimen
- Jalan Tuanku Abdul Halm susur ke Istana Negara
- Jalan Kia Peng sebelum simpang masuk ke Persiaran KLCC
- Lot 2750, Kampung Sg Penchala, Jalan Sri Penchala 2
- Wedgewood Residences, 11 Jalan Mont Kiara
- Lorong Beluntas 2 dan 3, Medan Damansara
- PPR Intan Baiduri (Blok D)
- Jalan Bukit Setiawangsa 1
- 8, Jalan 51/26, Taman Seri Rampai
- Persiaran Syed Putra
- 18, Jalan 51/26, Taman Sri Rampai
- Jalan Jalil Perkasa 19
- Pusat Komuniti, Jalan Taman Setiawangsa
- No.1, Setia Murni 7
- No.10 & 12, Jalan Setia kasih 6
- Bank Negara
- Arkib Negara
- Kondominium Sri Kinabalu
- Lot 2750, jalan Sri Penchala 2, Kg Sg Penchala
- 92A, Jalan Jelutong, Damansara Heights
- Lorong Bukit Pantai 2
- Medan Selera
- No. 25 & 27, Lorong Travers
- Bangunan Parlimen
- Jalan Kiara 3
- No.15, Changkat Tunku, Bukit Tunku

- 32, Jalan Teruntong
- 11, Jalan Mont Kiara
- Lorong Beluntas 2 dan 3
- PPR Intan Baiduri, Blok D
- Jalan 3/125, Desa Petaling
- Berhampiran kuil Jalan Robson

Pihak IKRAM telah dilantik oleh DBKL untuk membuat kajian bagi mengenalpasti tindakan penyelesaian yang sesuai untuk dilaksanakan.

DBKL juga telah mengenalpasti lokasi **pokok tumbang dan dahan serakah** menerusi siasatan di tapak dan aduan awam. Lokasi dan status bagi setiap lokasi yang terlibat adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI	STATUS
1.	Jalan Bukit Damansara 195	Selesai
2.	Jalan Pantai Permai, Lembah Pantai	Selesai
3.	Muzium Di Raja Bukit, Petaling (Pintu 2)	Selesai
4.	IPD Brickfields	Selesai
5.	Jalan Siakap Blok 28 Cheras	Selesai
6.	Jalan Midah 8 Cheras	Selesai
7.	Jalan Jubilee off Jalan Loke Yew	Selesai
8.	Galeria Sri Perdana, Jalan Terengganu	Selesai
9.	Klinik Kesihatan Segambut Dalam	Selesai
10.	Jalan 1/4B Bukit Mas, Taman Melawati	Selesai
11.	SMK Wangsa Melawati	Selesai
12.	Jalan 2/27A Seksyen 1 Wangsa Maju	Selesai
13.	Jalan Raja Chulan, No 43	Selesai
14.	Lorong Setia Bistari, Bukit Damansara	Selesai
15.	Jalan Kuching, Bulatan Dato Onn	Selesai
16.	Jalan Tuanku Abdul Halim	Selesai
17.	Persiaran Lemak Taman Segar Jalan Cheras	Selesai
18.	Jalan Sekilau, Taman Tenaga	Selesai

19.	Jalan Tunku, Bukit Tunku	Selesai
20.	Jalan Sultan Azlan Shah	Selesai
21.	No 16A, Jalan Air Panas Baru, Air Panas Setapak	Selesai
22.	Wisma Tani Ke Bukit Tunku	Selesai
23.	No 10, Jalan 1/38C Taman Sri Kepong Baru	Selesai
24.	No 40, Jalan Medan Tanduk Bukit Bandaraya Damansara	Selesai
25.	Masjid Jamek Petaling, Jalan Puchong	Selesai
26.	Jalan Damai Jasa 18, Alam Damai	Selesai
27.	Jalan 1/38F, Taman Sri Sinar	Selesai
28.	Tepi Sek Keb Bt 4, Jalan Ipoh	Selesai
29.	Hadapan Rumah Menteri Kewangan Bukit Tunku Kenny Hill	Selesai
30.	Jln Medan Putra 1, Bandar Manjalara	Selesai
31.	Jln 1/62A Manjalara	Selesai
32.	Berhampiran Pondok Polis Taman Desa	Selesai
33.	Jln 3 /38A Taman Sri Sinar	Selesai
34.	677, Lingkungan Jambu Gajus	Selesai
35.	Hadapan Blok 42, Jalan Loke Yew	Selesai
36.	Jalan Kolam Air 4, Jalan Ipoh	Selesai
37.	Bukit Mas, Taman Melawati	Selesai
38.	Lebuhraya Sultan Iskandar	Selesai
39.	Jln Medan Tanduk, Bangsar.	Selesai
40.	Jln 1/27D, Seksyen 6 Wangsa Maju	Selesai
41.	Jln Wangsa Perdana 3, Seksyen 4, Wangsa Maju	Selesai
42.	Jalan 27/56, AU3 Keramat Wangsa	Selesai
43.	Jalan Metro Perdana Barat 13, Kepong	Selesai
44.	92 Danau, Jalan 2/62 Bandar Manjalara Kepong	Selesai

45.	35, Jalan Langgak Tunku, Bukit Tunku	Selesai
46.	Jalan Nikmat, Taman Bukit Aman	Selesai
47.	Berdekatkan Federal Hotel	Selesai
48.	Jalan Sri Permaisuri 1	Selesai
49.	Jalan Kuching ke Bulatan Segambut	Selesai
50.	Robson Heights Jalan Pesiaran Endah	Selesai
51.	Jalan Delima 10	Selesai
52.	Ppr Bukit Jali Blok A	Selesai
53.	Lorong Setiajasa 1	Selesai
54.	Pangsapuri Desa Tenaga	Selesai
55.	Jalan 7/6B Taman Segambut	Selesai
56.	Jalan Kampas	Selesai
57.	Jalan Kuching Menghalau Ke KL	
58.	Jalan Air Dusun	Selesai
59.	Jalan Wangsa Perdana 3 Seksyen 6	Selesai
60.	Jalan 1/27d Seksyen 6	Selesai
61.	Flat Loke Yew Hadapan Blok 42	
62.	Jalan Langgak Tunku	Selesai
63.	Jalan 40/70A Sri Hartamas	Selesai
64.	Jalan Bukit Ledang	Selesai
65.	Jalan Taman Ibu Kota	Selesai
66.	Jalan Tuanku Abdull Halim	Selesai
67.	Jalan Mesra Ria	Selesai
68.	Jalan Tunku Bukit Tunku	Selesai
69.	Ppr Kg.Muhibbah	Selesai
70.	Jalan Belfield	Selesai

71.	Taman Dusun	
72.	Jalan Awan Kelarai Taman Yarl	Selesai
73.	Jalan Pantai Permai	Selesai
74.	Greenpark AB Condo Jalan Awan Pintai Taman Yarl	
75.	JKR 2935 Jalan Ledang	Selesai
76.	100, Jalan Jelutong	Selesai
77.	Jalan Maarof	Selesai
78.	Medan Selera Jalan Duta	Selesai
79.	27,Lorong Travers	
80.	Selepas Bulatan Segambut ke arah Matic	
81.	Jalan Kuchai ke arah Jalan Kuchai Lama	Selesai
82.	Jalan Awan Kechil Taman Yarl	Selesai
83.	Regalia Sultes Jalan Kuching	Selesai
84.	JKR 3149 Jalan Persekutuan	Selesai
85.	Jalan Alor, B.Bintang	
86.	Jalan 27/56 AU3 Keramat Wangsa	Selesai
87.	Petronas Salak Jaya	Selesai
88.	Jalan 1/56 AU3 Keramat Wangsa	Selesai
89.	Jalan Tuanku Abdul Halim	Selesai
90.	Jalan Bintang	
91.	Lorong Setiabistari Damansara	Selesai
92.	Jalan Tunku	Selesai
93.	Jalan Setiamurni 6	Selesai

DBKL bersama agensi sahabat seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), RELA, Alam Flora, NADMA dan Pasukan Pengakap Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terus menjalankan operasi membantudan menyelamat serta menjalankan kerja – kerja pembersihan.

Jumlah keseluruhan kekuatan anggota yang terlibat adalah seramai **1,400 orang**.

Kerja-kerja pembersihan juga telah mula dilakukan sejak 19 Disember 2021 oleh DBKL melalui pihak Alam Flora di sekitar bandar raya Kuala Lumpur dan akan diteruskan sehingga selesai.

Seramai **350 orang kakitangan** yang terlibat dalam **kerja-kerja pembersihan** yang terdiri daripada kakitangan DBKL dan kakitangan Alam Flora.

Berikut merupakan status pembersihan di setiap lokasi yang terlibat:

BIL	LOKASI	STATUS KERJA PEMBERSIHAN
1	Kg. Periuk	Dalam proses pembersihan
2	Kg. Pasir	Dalam proses pembersihan
3	Kg. Batu Bata	Dalam proses pembersihan
4	Taman Hock Ann	Dalam proses pembersihan
5	Lorong Haji Mahadi	Dalam proses pembersihan
6	Jalan Melaka	Selesai
7	Jalan Batu-Bata	Dalam proses pembersihan
8	Jalan Rahmat (PWTC)	Selesai
9	Maluri	Selesai
10	Leisure Mall	Selesai
11	Bandar Permaisuri	Selesai
12	Sg. Besl	Selesai
13	Kg. Seri Delima	Dalam proses pembersihan
14	Jalan Raja Chulan	Dalam proses pembersihan
15	Lorong Jambu Laut	Dalam proses pembersihan
16	Kg. Kasipillay	Selesai
17	Kg. Chubadak	Dalam proses pembersihan
18	Jalan Tlong Nam	Dalam proses pembersihan
19	Jalan Raja Laut	Selesai
20	Jalan Raja	Selesai
21	Jalan Melayu	Selesai
22	Jalan Tun Perak	Selesai

23	Jalan Sultan Hishamudin	Selesai
24	Jalan Sultan Azlan Shah	Selesai
25	Masjid Jamek	Selesai
26	Jalan Kolam Air	Selesai
27	Jalan Putra	Selesai
28	Pejabat JPK Pekelling	Selesai
29	Jalan Pahang	Dalam proses pembersihan
30	Flat PKNS	Dalam proses pembersihan
31	Jalan 1/68D	Selesai

Sekian.

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
Menteri Wilayah Persekutuan
23 Disember 2021



KENYATAAN MEDIA

ARAHAN KESIAPSIAGAAN TERTINGGI UNTUK MENGHADAPI BENCANA BANJIR DI SELURUH NEGARA

Majis Keselamatan Negara mengarahkan seluruh jentera Kerajaan khususnya agensi keselamatan dan kesihatan supaya berada dalam kesiapsiagaan peringkat tertinggi bagi menghadapi bencana banjir.

Dalam hal ini, Arahan Majlis Keselamatan Negara No.20 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara) wajib diaktifkan segera melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) bagi menyusun strategi terbaik dan mengkoordinasi pelaksanaan pengurusan bencana banjir di lapangan yang berlaku dengan berkesan.

MKN menyeru semua seluruh agensi Kerajaan, pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan, orang perseorangan diminta untuk sama-sama berganding bahu memainkan peranan masing-masing supaya persediaan menghadapi bencana banjir akan lebih tersusun demi keselamatan rakyat dan keselamatan negara. Hal ini selaras dengan pendekatan "*whole of government, whole of society approach*".

Seluruh keluarga Malaysia diminta supaya sentiasa mematuhi arahan dan makluman berkaitan bencana dari sumber yang sahih dan boleh dipercayai. Marilah kita mendoakan agar negara kita terhindar dari segala bencana dan semua keluarga Malaysia sentiasa kekal sejahtera dan selamat.

DATUK HAJI RODZI BIN MD SAAD
KETUA PENGARAH KESELAMATAN NEGARA
MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

23 DISEMBER 2021



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias ketika meninjau di kawasan banjir sekitar Jelebu, Negeri Sembilan.



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias diberi penerangan oleh petugas ketika hadir melawat Pusat Penempatan Sementara (PPS) Dewan D'Sury, Kuala Klawang, Negeri Sembilan.



SHAHIDAN bersama Jalaluddin meninjau kawasan banjir di sekitar kawasan Jelebu, Negeri Sembilan.



SEKITAR kawasan yang terjejas akibat banjir di sekitar kawasan Jelebu, Negeri Sembilan.

Fokus bantu mangsa banjir - Shahidan

MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim menggesa semua pihak untuk berhenti menudung jari dan memberi fokus sepenuhnya dalam usaha membantu mangsa banjir.

Menurut beliau, banjir besar yang melanda Shah Alam baru-baru ini berlaku di luar jangkaan berikutan kawasan tersebut yang jarang sekali mengalami bencana seperti itu.

“Sebelum banjir lagi kita dah maklumkan (penduduk) untuk berpindah tetapi orang di sini tahu bahawa kawasan di sini tidak pernah berlaku banjir.

“Semua orang tak sangka benda ini berlaku jadi yang penting sekarang ini apa yang perlu kita buat untuk membantu mereka yang memerlukan.

“Kalau kita nak ungkit cerita ini dia tidak akan selesaikan masalah,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah mengerahkan beberapa pasukan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membantu mangsa banjir di negeri Selangor.

“Saya tahu banyak orang tidak berpuas hati dalam pelbagai perkara tetapi kita akan buat yang terbaik untuk membantu negeri Selangor dan Shah Alam khususnya yang terjejas teruk.

“Kita sediakan perkhidmatan shuttle untuk memudahkan penduduk bergerak meredah banjir kita juga sediakan tandas untuk orang awam.

“Air menjadi satu masalah utama jadi kita cuba edarkan air mineral sebanyak yang mungkin dan kita juga sediakan tangki air disini untuk servis tandas dan sebagainya,” katanya.





SHAHIDAN dan Jalaluddin mengaminkan doa di Pusat Penempatan Sementara (PPS) Dewan D'Sury, Kuala Klawang, Negeri Sembilan.



bertanyakan sendiri kepada mangsa banjir mengenai situasi yang mereka hadapi di PPS Dewan D'Sury.

PKOB Kampung Bukit Changgang tumpu operasi pembersihan, sedia makanan kering untuk mangsa banjir

MUSIBAH yang menimpa penduduk di Selangor akibat ‘banjir termenung’ mendapat perhatian dan simpati yang mendalam daripada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Lanjutan daripada itu, beliau telah mengarahkan pengurusan kanan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi di bawahnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) untuk membentuk beberapa pasukan yang dikenali Pusat Kawalan Operasi Banjir (PKOB) bagi membantu penduduk di Selangor yang terjejas.

Komandan PKOB Kampung Bukit Changgang, Datuk Che Roslan Che Daud berkata, peringkat awal operasi ini bermula pada 21 Disember lalu dan ia berfungsi sepenuhnya pada 22 Disember sehingga kini.

“Kewujudan kita disini adalah untuk membantu menyediakan bahan makanan kering untuk penduduk disini dan mereka hanya perlu datang untuk mendapatkan bantuan tanpa melalui birokrasi.

“Selain itu, atas keprihatinan Menteri Wilayah Persekutuan, PKOB ini diwujudkan adalah untuk menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir dan memberikan pembersihan di kawasan tumpuan orang ramai,” katanya kepada Wilayahku ketika meninjau operasi di sini pada Khamis.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan dan Pembangunan KWP itu berkata, kira-kira 50 anggota dari KWP, DBKL dan PPj terlibat dalam operasi PKOB Kampung Bukit Changgang ini setiap hari dengan tugas tertentu.

“Kita ada penggiliran dua shif iaitu dari pukul 8.30 hingga pukul 1 petang dan shift ke dua dari pukul 1.30 hingga 6 petang.

“Agihan kerja di lapangan ini adalah berkaitan dengan pembersihan dan kutipan sampah di kawasan tumpuan orang ramai, kemudahan awam seperti dewan orang ramai, masjid, surau serta rumah ibadat yang lain.

“Sebanyak lima buah lori ‘RORO’ di sediakan untuk membantu melicinkan operasi di sini dan sampah tersebut akan dihantar ke kawasan pelupusan sampah yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)” katanya.

Kata Che Roslan, mengikut ramalan kaji cuaca oleh Jabatan Metriologi Malaysia (Met Malaysia), jangkaan cuaca yang tidak menentu ini sehingga 27 Disember ini.

“Keberadaan kita di sini tidak ada tempoh tertentu dan operasi ini akan berterusan sehingga ianya selesai.

“Laporan operasi ini turut akan dikemukakan kepada menteri untuk mendapatkan arahan selanjutnya sama ada perlu kekal sehingga selesai atau berpindah ke kawasan lain atau pulang ke jabatan masing-masing,” katanya.

Ujarnya, diantara fokus utama pasukannya ketika ini adalah untuk menurunkan paras air yang masih bertakung untuk dialirkan ke Sungai Langat.

“Pada peringkat awal, paras air di Sungai Langat ini sama dengan permukaan jalan raya yang menyebabkan banjir termenung di kawasan ini.

“Bagi tujuan itu, kita bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan menyediakan pam air untuk mempercepatkan aliran keluar air.

"Melalui agensi DBKL dan PPj, kita juga menyediakan pam-pam air dengan kapasiti yang besar disamping pam-pam kecil yang sedia ada," katanya.

Che Roslan memberitahu, anggota yang bertugas di PKOB Kampung Bukit Changgang ini amat bersemangat dan sedia berkorban masa dan tenaga meskipun berhadapan dengan situasi yang mencabar mental dan fizikal.

"Ada dalam kalangan anggota ini yang tidur di PKOB ini dan seawal pukul 8.30 pagi mereka sudah bersedia untuk sesi 'roll call' sebelum agihan tugas dilaksanakan.

"Mereka juga menyanjung tinggi aspirasi Menteri Wilayah Persekutuan untuk melaksanakan operasi ini dengan bersungguh-sungguh sekali gus memperlihatkan keupayaan pasukan KWP dan agensi dalam berkhidmat kepada mangsa banjir," katanya.-**WILAYAHKU**



Inisiatif Shahidan legakan penduduk Kampung Bukit Changgang

PENGERUSI Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bukit Changgang, Mohd Alias Hamdi menyifatkan inisiatif yang digerakkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dalam membantu mangsa banjir luar dari Wilayah Persekutuan menyerlahkan keprihatinan pihak KWP terhadap nasib yang menimpa mangsa banjir.

Katanya, tindakan tersebut bertepatan dengan keadaan bencana yang berlaku di kawasan ini dan pihaknya berbesar hati dengan sumbangan KWP dan agensi seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Purajaya (PPj) yang membantu membersihkan kawasan bencana tersebut,

“Ini adalah kebaikan untuk penduduk kampung dan banyak agensi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang datang untuk memberi bantuan untuk sumbangan barang.

“Pihak KWP dan agensi pula membantu kerja-kerja pasca banjir termasuk mencuci dan membersih kawasan terutama di rumah-rumah ibadah dan juga rumah yang didiami warga emas,” katanya kepada Wilayahku pada Khamis.

Beliau juga memanjatkan kesyukuran kerana pihak KWP dan agensi yang terdiri daripada DBKL dan PPj membawa kelengkapan untuk mengepam air sekali gus dan mempercepatkan kerja-kerja pembersihan di jalankan

“Penduduk yang terjejas ini seperti memulakan semula kehidupan baharu kerana banyak peralatan rumah rosak serta kenderaan yang turut rosak akibat banjir ini. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada KWP, DBKL dan PPj yang bertungkus-lumus membantu penduduk di sini,” ujarnya.-**WILAYAHKU**

ANTARA penduduk kampung yang hadir di Pusat Kawalan Operasi Banjir Kampung Bukit Changgang untuk mendapatkan bantuan makanan.





SKUAD Bantuan Banjir PPj memberi sumbangan dan keperluan kepada kakitangan Perbadanan Putrajaya yang terlibat dengan bencana banjir.









KAWASAN tanah runtuh yang melibatkan bangunan berhampiran Carcosa Seri Negara.



KERJA-kerja operasi membantu mangsa-mangsa banjir di sekitar kawasan Kuala Lumpur yang terjejas akibat banjir.







SIARAN MEDIA

DRON PENGAWASAN DAN PENGHANTARAN TELAH DIAKTIFKAN BANTU MANGSA BANJIR DAN USAHA PEMULIHAN

PUTRAJAYA, 24 DISEMBER 2021 - Lebih 20 unit dron telah diaktifkan bagi operasi bantuan pemulihan banjir termasuk kerja-kerja pemantauan dan penghantaran bekalan kritikal seperti ubat-ubatan, makanan dan powerbank di beberapa kawasan di Selangor.

Usaha ini diterajui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Pasukan Petugas Kecemasan Perkhidmatan Dron Khas (PTK2Dron) yang diselaraskan oleh Technology Park Malaysia (TPM) dengan sokongan beberapa syarikat dron tempatan menggunakan dron pemantauan dan penghantaran kepada mangsa-mangsa banjir dengan usahasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Shah Alam, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Unit Bencana Negeri Selangor. Penghargaan juga kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia dan Kementerian Pengangkutan di atas kerjasama rentas kementerian bagi tujuan kelulusan penerbangan dron.

Dron pemantauan dan penghantaran khas ini telah digerakkan ke beberapa kawasan terjejas banjir di Selangor antaranya di Taman Sri Muda, Kampung Lombong dan Lanchong, Kampung Lanchang Jaya, Taman Alam Indah, dan Kampung Jalan Kebun.

Pengendalian dron ini telah diuji lebih awal di Perak pada bulan Oktober 2021 dan didapati adalah efektif dari segi penjimatan masa serta kos sebagai alternatif kepada kaedah logistik seperti menggunakan bot. Dron-dron ini juga telah diuji untuk penghantaran ke lokasi yang mencabar dari segi geografi, termasuk ke ruang pendaratan yang sempit dan terhad.

Syarikat-syarikat teknologi dron yang terlibat adalah VStream Revolutions, Meraque Services, Alphaswift Industries, Aerodyne Group dan GeoPrecision bagi usaha pemantauan khususnya di daerah Petaling dan Kuala Langat. Syarikat Meraque bersama responden pertama dan Pharmaniaga telah menguruskan operasi penghantaran ubat-ubatan menggunakan dron di kawasan yang terjejas akibat banjir di Selangor.

Selain itu, pesawat udara tanpa pemandu (*unmanned aerial vehicle, UAV*) juga telah melakukan beberapa perjalanan ulang-alik dalam penghantaran barang kritikal dengan muatan sehingga 10kg. Dron yang digunakan juga dilengkapi kamera visi malam dan pengesanan haba (night vision and thermal sensors).

Selain itu, kenderaan autonomi tanpa pemandu (*unmanned autonomous vehicle, UAV*) juga telah melakukan beberapa perjalanan ulang-alik dalam penghantaran barang kritikal dengan muatan sehingga 10kg. Dron yang digunakan juga dilengkapi kamera visi malam dan pengesan haba (*night vision and thermal sensors*).

Untuk makluman, syarikat-syarikat teknologi dron tempatan yang terlibat menyediakan perkhidmatan ini sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial dan khidmat mereka kepada negara dan masyarakat.

Di Selangor, Pasukan PTK2Dron bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak untuk menggerakkan bantuan segera, di samping memudah cara proses antara pengendali dan penyedia perkhidmatan dron dengan pihak berkuasa berkaitan dan memastikan taraf keselamatan dan teknikal dicapai.

Usaha pemantauan dan penghantaran bekalan kritikal ini dilaksanakan di Selangor buat masa ini tertakluk kepada keperluan dari semasa ke semasa. PTK2Dron juga bersedia untuk menghulurkan bantuan di lain-lain negeri yang terjejas akibat banjir mengikut kesesuaian, permintaan dan keperluan pihak berkuasa tempatan.

Untuk rekod, PTK2Dron diperkuuhkan menerusi penyelarasan inisiatif *Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS)* yang dilancarkan oleh MOSTI pada tahun lalu yang menyokong syarikat-syarikat dron mendapatkan sokongan teknikal, pengawal seliaan dan sokongan tapak pengujian, selain menyediakan mereka dengan kes penggunaan khas termasuk pengurusan bencana dan penghantaran bekalan kecemasan.

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
24 DISEMBER 2021**



GAMBAR Dron dari udara menunjukkan kawasan terjejas banjir.



PESAWAT udara tanpa pemandu (*unmanned aerial vehicle, UAV*) juga telah melakukan beberapa perjalanan ulang-alik dalam penghantaran barang kritikal dengan muatan sehingga 10kg.